

04/01/1997

Alasan mereka yang malas belajar

H H

HARI ini, sudah empat hari kita berada dalam tahun 1997. Masa pantas bergerak bukan saja kita cepat meninggalkan 1996, malah beberapa bulan lagi kita akan berasa 1998 pula semakin dekat.

Itulah hakikat kehidupan moden hari ini. Kerana banyak perkara yang dilakukan semakin mudah dengan teknologi dan pelbagai perubahan kita dapat disesuaikan, tidak terasa masa pantas beredar.

Cara hidup juga bertukar. Kalau dulu semua kerja dibuat dengan membanting tulang dan mengalir keringat, kini tenaga yang digunakan hanya separuh atau mungkin kurang daripada itu. Sebaliknya apa yang dibuat sekarang lebih memerlukan pengetahuan.

Hari ini kita sudah memasuki zaman 'information technology' atau IT. Kalau beberapa tahun lalu, kita hanya bercakap mengenai Koridor Raya Multimedia (MSC), dunia Siber, kini cakap-cakap itu semakin menjadi kenyataan.

Sudah tiba masanya tidak ada jalan lain bagi kita tetapi mesti mempersiapkan diri untuk menghadapi era baru IT. Kalau kita tidak dapat melakukan, jadilah kita bangsa yang ketinggalan.

Ketam Batu teringat kata-kata Bill Gates, jutawan komputer ketika memberi ceramahnya di Kuala Lumpur beberapa tahun lalu dalam rangka lawatannya ke Asia-Pasifik untuk melihat operasi Microsoft.

Dalam ceramahnya bertajuk Personal Computing In 1995 And Beyond Presiden dan Ketua Eksekutif Microsoft Corporation itu berkata abad akan datang, komputer menguasai kehidupan manusia terutama komputer peribadi (PC).

Paling banyak digunakan ialah dalam pendidikan, perniagaan, kewangan persendirian dan macam-macam lagi bagi memudahkan manusia berhubung dan berurusan.

Ini semua dibuat dengan perisian khusus yang dicipta dan sistem rangkaian kerja menggunakan talian lebih canggih seperti Mod Pertukaran Asynchoronus (ATM).

Gates juga cerita mengenai Windows 95 keluaran syarikatnya yang ketika itu akan dilancarkan beberapa bulan lagi menggantikan Windows versi 3.1 dan rangkaian kerja Microsoft (Microsoft Network). Versi baru itu memudahkan pengguna memasuki Sistem Lebuh Raya Maklumat Antarabangsa untuk mendapat pelbagai maklumat global.

Dia bercerita lagi. Menurut beliau, dengan kecanggihan komputer, mangsa yang parah selepas terbabit dalam kemalangan ngeri dan sedang dibawa dengan ambulans ke hospital, mudah dikesan namanya dan pewaris.

Doktor di hospital pula mampu memberi arahan kepada petugas dalam ambulans menyelenggarakan pelbagai bantuan kecemasan berdasarkan maklumat X-ray yang dipancarkan ke hospital sebelum tiba ke bilik kecemasan mendapat rawatan pakar.

Bagi bidang pendidikan, beliau menunjukkan bagaimana teknologi multimedia dimanfaatkan oleh pelajar tanpa perlu menulis dalam buku. Pelajar memasukkan segala tugas ke PC, sambung ke terminal di bilik darjah.

Kaedah pembelajaran lebih menarik. Visual tiga dimensi, digarap muzik dan grafik digunakan untuk menjelaskan sesuatu subjek secara terperinci. Pelajar akan lebih berminat mempelajari subjek, manakala guru tidak menghadapi banyak masalah memberi tunjuk ajar.

Di negara maju, apa yang diceritakan oleh Gates itu sudah berlaku. Yang pasti, ia juga akan berlaku di Malaysia tidak lama lagi. Perkembangan ke

arah ini semakin pesat. Kita sudah ada Majlis Kebangsaan Teknologi Maklumat berfungsi memberi segala panduan kepada kita semua mengenai arus perkembangan teknologi canggih.

MSC yang merangkumi `Bandar siber akan dilengkapi dengan segala infrastruktur komunikasi supaya segala urusan dibuat melalui multimedia.

Dalam perutusan tahun baru Selasa lalu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata inilah corak kehidupan yang akan dialami oleh rakyat Malaysia pada tahun mendatang.

Cara hidup akan bertukar. Terpulang kepada kita sama ada kita dapat menyesuaikan diri dengan cara baru ini; memperoleh kebaikan atau tidak.

Apa yang jelas kita tidak mempunyai pilihan. Zaman maklumat memaksa rakyat mengubah cara hidup dan cara bekerja kita.

Kita tidak boleh lagi menoleh ke belakang tetapi terpaksa belajar dan memiliki pengetahuan itu. Cuma antara cepat atau lambat. Jika lebih cepat kita pelajari ilmu dan pengetahuan itu, maka lebih cerah masa depan kita.

Ketam Batu sentuh topik ini kerana ramai orang kita masih kurang minat menimba pengetahuan mengenai IT. Mereka takut kepada komputer.

Ada yang menyatakan ini berlaku di kawasan luar bandar dan tidak di pekan. Tidak kira di mana pun, yang penting kita mesti berani dan sanggup belajar.

Kita selalu menyatakan orang Melayu ketinggalan dalam bidang perniagaan dan ekonomi di negara sendiri kerana dari segi sejarahnya, kaum lain bermula lebih awal.

Lagi pun orang Melayu dikatakan tidak memiliki budaya dan menjadikan kerjaya perniagaan sebagai amalan hidup mencari rezeki.

Kita lebih cenderung kepada bertani. Jadi, untuk kejar dan seiringan dengan bukan Melayu, kerajaan terpaksa bantu.

Tetapi dalam IT, kita bermula dan melangkah sama dengan bangsa lain.

Kata mereka antara sebab orang kita kurang sangat minat belajar komputer ialah bidang ini dikaitkan dengan bahasa Inggeris.

Bangsa lain juga belajar bahasa Inggeris sebagaimana kita bangsa Melayu. Mereka juga bukan sejak lahir sudah pandai berbahasa Inggeris.

Jika dikatakan kita tidak berduit untuk beli PC dan peralatan komunikasi lain, sekarang ini lebih daripada itu orang kita boleh beli.

Oleh itu, alasan sebegini tidak lagi boleh diterima. Sebenarnya, sikap kita sendiri yang ambil mudah, tidak menunjukkan kesungguhan dan nanti dulu. Apabila orang sudah jauh ke depan, baru kita bersusah payah mahu mengejar.

Jika tidak dapat kita minta kerajaan bantu. Jika begini sikap Melayu, walaupun MSC siap dibina, bandar Cyber beroperasi, cara hidup kita tetap sama saja.

(END)